


Nilai dialog perkongsian pintar amat besar kepada kebanyakan negara peserta **LID forum atasi krisis negara**

UM - 29/7/2004 : 6 Perdana



UTUSAN: LID telah berusia 10 tahun dan kali pertama diadakan pada tahun 1995, adakah Tun menjangkakan dialog ini akan bertahan sehingga sekarang?

DR. MAHATHIR: Kita tak sangka sebenarnya, apabila kita mengadakan LID pada tahun 1995, ia hanya untuk sekali sahaja.

Tetapi setelah diadakan, permintaan datang untuk diadakan lagi, malahan ada peserta yang mencadangkan agar kita menghentikan LID tetapi datang bantahan yang kuat daripada pemimpin-pemimpin kerajaan yang menyertai dialog tersebut.

Ini bermakna LID bukan hanya satu forum bual-bual kosong dan tidak memberi manfaat kepada negara peserta.

DR. MAHATHIR: Bukan. Ini bukan bual-bual kosong, ia adalah perbincangan di mana semua pihak bukan sahaja mendengar, mereka berkumpul dalam satu meja mungkin dalam 10 atau 5 orang dan mereka berbincang dan kemudian membuat laporan mengenai pendapat mereka di dalam kumpulan itu.

Jadi semua peserta yang terdiri daripada pemimpin swasta, kerajaan, pegawai dan pemimpin politik - semuanya betul-betul membincangkan setiap perkara dengan terperinci dan secara mendalam; bukan buat ucapan seoyang saja dan kemudian masing-masing balik.

Malahan isteri-isteri ketua-ketua kerajaan juga mengadakan perjumpaan mereka untuk membincangkan masalah kaum wanita serta masalah sosial.

Ini bermakna para peserta berkongsi pendapat dan pengalaman.

DR. MAHATHIR: Ya, berkongsi pendapat dan pengalaman secara langsung.

Tun mengatakan LID bukan bual-bual kosong tetapi bagaimana peluang untuk berinteraksi secara bermakna. Apa yang berlaku dalam dialog.

DR. MAHATHIR: Kita bertukar fikiran mengenai masalah yang dihadapi dan ada yang sudah pun mengenali masalah ini dan memberi penerangan dan cara mereka mengatasi masalah tersebut.

Ini bermakna semasa dialog itu berlaku perkongsian pendapat.

DR. MAHATHIR: Ya, perkongsian pendapat dan pengalaman di antara ketua-ketua kerajaan dan peserta.

Apa faedah yang mereka peroleh daripada LID?

DR. MAHATHIR: Itulah, mereka dapat tahu cara untuk menangani dan mengatasi masalah mereka dan mereka boleh maju ke hadapan.

MUKADIMAH

DIALOG Antarabangsa Langkawi (LID) pertama kali diadakan pada Julai 1995 dengan tema 'Perkongsian Pintar Bagi Kemakmuran Kerjasama Global'.

Kejayaan LID '95 itu menarik minat negara-negara membangun untuk mengadakan dialog yang sama di negara masing-masing dengan Barbados mendahului senarai apabila mengadakan Dialog Antarabangsa Barbados '96 (Barbados '96).


Dialog perkongsian pintar ini terus berkembang apabila Malaysia mengadakan LID kedua pada tahun 1996 diikuti dengan LID 97.

Kegigihan Malaysia terutama pengasas dialog, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempromosikan dialog perkongsian pintar telah menarik minat negara-negara Afrika melaksanakan dialog seperti LID apabila Dialog Antarabangsa Negara-Negara Afrika Selatan (SAID) diadakan kali pertama pada tahun 1997 di Kasane, Botswana dan kali kedua pada tahun 1998 di Swakopmund, Namibia dengan menggunakan tema 'Perkongsian Bestari Bagi Penjana Kekayaan Di Selatan Afrika'.

Kini LID telah berusia 10 tahun, ia bukan sahaja berjaya diadakan setiap tahun tetapi juga telah memberi faedah yang besar kepada negara-negara peserta.

"Pencapaian terbaik LID ialah mendekatkan dan menyatukan pemimpin-pemimpin yang kebanyakannya dari negara-negara membangun," kata Tun Dr. Mahathir kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **HATA WAHARI**.

Dalam wawancara ini, Dr. Mahathir memberikan penilaian terhadap LID yang menurut beliau bukan sahaja telah berjaya menarik banyak negara membangun untuk menyertai LID tetapi dialog ini semakin kuat dan kukuh.



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

laksanakan apa yang telah kita capai.

Sebab itu apabila Malaysia menganjurkan LID, banyak negara yang mengambil bahagian untuk mempelajari dari Malaysia, berkenaan dengan pentadbiran negara, pembangunan negara.

Penyertaan bukan sahaja daripada kalangan pemimpin kerajaan tetapi ia juga melibatkan sektor swasta. Mereka juga mempunyai kepentingan, kalau pentadbiran sesebuah negara itu baik dan mesra swasta maka mereka akan mendapat banyak faedah. Sebab itu ramai ingin menyertai LID serta banyak negara terutama negara-negara Afrika menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah supaya keadaan negara mereka dilihat.

Kerajaan juga ada menjemput negara-negara maju tetapi sambutan mereka agak dingin, mengapa ini berlaku?

DR. MAHATHIR: Mereka tidak berminat walaupun ada syarikat dari negara maju yang terlibat tetapi kerajaan mereka tidak terlibat.

Sebenarnya LID ini bermula dengan negara-negara Komanwel dan negara-negara maju dalam pertubuhan itu melihat Komanwel sudah mencukupi.

Adakah negara-negara maju patut terlibat dalam LID, memberi tunjuk ajar kepada negara-negara membangun?

DR. MAHATHIR: Patut sekali kerana LID boleh menguntungkan negara maju, apabila negara membangun mengambil pengalaman mereka untuk membangunkan negara masing-masing.

Negara-negara maju mungkin boleh melabur atau meraih keuntungan daripada perdagangan apabila negara-negara membangun itu telah stabil dan membangun.

Mengapa negara-negara maju tidak berminat?

DR. MAHATHIR: Mereka tidak begitu berminat kerana sudah ada pertubuhan yang boleh digunakan oleh mereka seperti Komanwel.

Itu adalah untuk kepentingan negara maju tetapi bagi negara membangun?

DR. MAHATHIR: Sebab itu negara membangun mengutamakan LID manakala negara-negara maju mengutamakan kepentingan mereka dalam Komanwel.

LID semakin penting selepas beberapa peristiwa keganasan seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, jadi macam mana negara-negara membangun boleh mendapat manfaat daripada dialog ini.

DR. MAHATHIR: Negara-negara membangun masih tertekan dan negara-negara maju mempunyai cara untuk menekan mereka (negara-negara membangun) supaya tidak boleh mempunyai satu suara seperti di dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Sekurang-kurangnya LID ini akan membolehkan mereka faham apa yang berlaku di arena antarabangsa.

Adakah isu keselamatan akan diutamakan di dalam LID?

DR. MAHATHIR: Keutamaan diberikan kepada isu ekonomi tetapi perkara lain termasuk politik juga dibincangkan.

Adakah LID penting dalam usaha untuk melahirkan global yang aman?

DR. MAHATHIR: LID terlalu kecil serta terhad dan kita tak dapat menarik lebih banyak negara membangun lain.

Pada masa yang sama, kita juga sedar bahawa kalau

terlalu ramai dalam LID kesannya akan berkurangan.

Setakat ini dialog perkongsian pintar ini hanya diadakan di Malaysia dan Afrika, adakah ia sepatutnya diperluaskan ke negara lain seperti Asia Barat yang juga berhadapan dengan isu yang sama?

DR. MAHATHIR: Ada juga permintaan dari Jordan tetapi bukan oleh kerajaan tetapi dari pihak-pihak yang mempunyai kepentingan di negara tersebut serta beberapa negara lain seperti Sudan.

Kita tidak hadkan penyertaan, dulu dialog ini dihadkan kepada negara-negara Komanwel tetapi minat negara di luar pertubuhan itu begitu kuat, sehingga LID tidak dapat mengelak untuk menjemput mereka. Sebab itulah Komanwel tidak mahu membiayai dialog perkongsian pintar ini lagi kerana terdapat peserta dari negara bukan Komanwel.

Ini bermakna sekiranya Komanwel tidak mahu membiayai LID, adakah LID akan dapat bertahan?

DR. MAHATHIR: Biasanya negara yang menawarkan untuk menjadi tuan rumah akan menanggung dan menyediakan perbelanjaan untuk mengadakan dialog perkongsian pintar ini.

Maknanya tidak ada masalah untuk membiayai LID, SAID dan EAID.

DR. MAHATHIR: Masalah memang ada, umpamanya kita ada pejabat di London dan ia memerlukan pembiayaan.

Rancangan kita ialah untuk membeli sebuah bangunan yang boleh digunakan untuk mendapatkan pendapatan daripada sewa yang boleh membiayai sekretariat tetapi walaupun terdapat beberapa syarikat dan negara-negara peserta lain menyumbang kepada tabung tetapi belum cukup untuk membeli harta yang boleh memberi pulangan, sekurang-kurangnya untuk menampung kegiatan sekretariat.

Tun mahukan sektor swasta negara mengambil manfaat daripada hubungan baik dengan negara-negara peserta hasil daripada LID, adakah sektor swasta mengambil peluang ini?

DR. MAHATHIR: Kalau kita lihat dulu boleh dikatakan tidak ada syarikat swasta terlibat secara langsung dengan pelaburan ataupun kegiatan ekonomi di negara Afrika dan sejak LID diadakan, ia telah berubah dan kita lihat banyak yang terlibat seperti Petronas, Telekom Malaysia dan bank-bank.

Banyak faedah yang diperoleh oleh Malaysia daripada LID kerana kita mempunyai kemampuan dan kebolehan tertentu.

Negara-negara Afrika dan peserta lain, mereka belum sampai ke tahap untuk mendapat faedah dengan melabur di Malaysia, tetapi mereka sedang belajar dan tidak merasa iri hati terhadap peluang yang diperoleh oleh Malaysia.

Dalam tempoh 10 tahun LID ini diadakan, adakah perbincangan yang dijalankan dilaksanakan oleh negara peserta?

DR. MAHATHIR: Ada dan kita lihat ada negara peserta sudah pun maju ke hadapan seperti Mozambique, Uganda, Botswana dan Namibia.

Negara tersebut mendapat ilham dan pengajaran membolehkan mereka dapat menguruskan pentadbiran dengan lebih baik, negara mereka telah lebih maju sekarang.

Isu utama yang dibincangkan dalam LID ialah

Apa faedah yang mereka peroleh daripada LID?

DR. MAHATHIR: Itulah, mereka dapat tahu cara untuk menangani dan mengatasi masalah mereka dan mereka boleh maju ke hadapan.

Pemimpin-pemimpin negara membangun mengatakan LID merupakan usaha berterusan untuk membangunkan negara mereka, Tun bersetuju dengan pendapat mereka?

DR. MAHATHIR: Ya saya bersetuju dengan pendapat mereka dan mereka berpendapat Malaysia menjadi negara contoh dan dengan LID diadakan di negara ini, mereka berpeluang untuk melihat pembangunan di Langkawi. Malahan kita juga ada Dialog Antarabangsa Negara-Negara Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Dalam dialog itu kita berpeluang untuk melihat keadaan di sana bertukar-tukar fikiran akan cara menangani masalah yang terdapat di negara tersebut.

Tun juga ada menyatakan bahawa LID ini seperti sekolah untuk bakal Presiden dan Perdana Menteri, apa yang Tun maksudkan?

DR. MAHATHIR: Kita dapat pengalaman yang banyak seperti di sekolah dalam LID, ini kerana tidak ada sekolah untuk pemimpin negara.

Dalam LID ini kita akan dapat belajar daripada pengalaman ketua-ketua kerajaan, macam mana mereka mengatasi perkara itu, macam mana pemimpin itu mengatasi masalah, yang mana yang terbaik dan apa hasilnya - semua ini menjadi pengajaran.

Pemimpin-pemimpin yang menyertai LID menyatakan ia amat baik dan memberikan input yang cukup bermakna tidak seperti forum-forum lain seperti Forum Ekonomi Dunia.

DR. MAHATHIR: Ini kerana LID adalah terhad, Forum Ekonomi Dunia terlalu besar sehingga tidak boleh memberi perhatian kepada masalah negara tertentu. Ia lebih menumpukan kepada perbincangan mengenai keadaan seluruh dunia.

Sebaliknya LID tertumpu kepada negara Afrika dan negara-negara peserta seperti dari Thailand dan Filipina dan memberi keutamaan kepada negara membangun yang mempunyai masalah.

LID banyak disertai oleh negara membangun, mengapa?

DR. MAHATHIR: Banyak negara membangun menyertai LID kerana setelah mereka melihat pembangunan ekonomi dan kemajuan Malaysia mereka ingin me-

masalah kemiskinan dan sosial tetapi pada tahun ini ia dikembangkan dengan mengadakan pameran perniagaan. Adakah ia lari daripada matlamat asal dialog?

DR. MAHATHIR: Ia masih di dalam kerangka, semua peserta LID telah menerima bahawa swasta memainkan peranan dalam pembangunan LID sejak dari awal-awal mereka mengambil bahagian.

Ini bermakna langkah penganjur LID adalah bijak.

DR. MAHATHIR: Langkah bijak kerana negara-negara peserta ingin tahu mengenai teknologi maklumat (IT), ini perkara baru kepada mereka dan mereka ingin tahu pengalaman kita berkenaan IT dan apakah produk IT yang boleh digunakan oleh mereka.

Negara-negara Afrika banyak berhadapan dengan masalah sosial dan kemiskinan, bagaimana LID dapat membantu mereka.

DR. MAHATHIR: Kita bukan bercakap berkenaan bantuan tetapi cara mana sesuatu itu boleh dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut mengikut kemampuan masing-masing.

Kita tidak mahu mereka bergantung kepada mana-mana bantuan.

Kalau kita lihat negara-negara peserta hanya terdiri daripada pemimpin peringkat menteri dan LID pada tahun ini hanya enam ketua negara yang hadir, mengapa?

DR. MAHATHIR: Kadang-kadang kita ada dua kali setahun iaitu sekali LID dan satu lagi SAID.

Dialog di SAID ketua negara yang hadir adalah lebih ramai kerana lebih mudah tetapi kerana ada masalah dalaman mereka tidak dapat menghadiri LID.

LID tahun ini, peranan Tun agak berlainan. Dalam enam siri LID terdahulu, Tun sebagai tuan rumah tapi kali ini sebagai tetamu. Sumbangan bagaimana yang Tun dapat berikan dalam dialog tahun ini?

DR. MAHATHIR: Saya masih berpeluang untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin yang datang di LID dan ada yang ingin bertanya kepada pengalaman saya dalam pengurusan.

Saya difahamkan sesi Tun agak pendek.

DR. MAHATHIR: Saya akan pergi lebih awal dan akan mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin yang hadir sebelum perasmian.

Adakah mereka berpeluang untuk mendapatkan tunjuk ajar dan pengalaman Tun.

DR. MAHATHIR: Ramai daripada pemimpin yang hadir adalah kawan saya dan saya akan berjumpa dengan semua pemimpin. Mereka semua ada peluang untuk bertanya kepada saya.

Sumbangan Tun dalam LID tahun ini.

DR. MAHATHIR: Saya akan mencurahkan pengalaman dalam bidang pemerintahan, pembangunan pengurusan kewangan dan macam-macam. Apa yang kita alami di Malaysia ini yang boleh digunakan oleh mereka, saya sanggup menjawab.

Apa harapan Tun pada LID.

DR. MAHATHIR: LID adalah sesuatu usaha yang boleh menyumbang kepada semua pihak termasuk kita dan persahabatan yang dijalin adalah penting kerana kita tahu perhubungan antara negara tidak ada sesuatu yang lebih menguntungkan dan berkesan daripada mengenali pemimpin negara lain.